

PDPR Sains 5 Dedikasi
Minggu 38 – Selasa 9 November 2021.
Topik – Kitaran Air

Latihan 1:

- A. Arahan –Susun langkah-langkah kitaran air. Tuliskan nombor mengikut urutan kitaran air yang betul.

Air hujan diserap ke Bumi dan akan mengalir semula ke dalam tasik, sungai dan lautan.	
Haba dari Matahari menyebabkan proses penyejatan berlaku. Air tersejat dari permukaan bumi seperti tanah lautan, sungai dan tasik menjadi wap air.	
Ketika awan naik lebih tinggi di langit, udara yang sejuk menyebabkan titisan air bergabung menjadi lebih besar dan berat yang kemudiannya turun kembali ke permukaan Bumi sebagai hujan.	
Wap air yang terkumpul dan menyejuk akan terkondensasi menjadi titisan air yang halus dan membentuk awan.	

- B. Apakah proses yang terlibat pada Langkah berikut:

- i. Air di permukaan Bumi → Wap air – Proses _____
- ii. Wap air (di langit) berkumpul → titis air halus – Proses _____
- iii. Air di permukaan Bumi tersejat kerana menerima haba dari _____
- iv. Kitaran air semulajadi ialah pergerakan air dari permukaan Bumi membentuk _____ dan akhirnya turun semula ke permukaan Bumi sebagai _____.